

Headline	<b>Kempen Sejuta Pokok:Sejuta Impian</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>01. May 2009</b>	Page No	<b>202</b>
Media Title	<b>Jelita</b>	Article Size	<b>161 cm2</b>
Section	<b>NEWS</b>	Frequency	<b>Monthly</b>
Circulation	<b>37099</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>78784</b>	AdValue	<b>1651.90</b>



## Kempen '*Sejuta Pokok. Sejuta Impian*'

**B**agi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai isu pemanasan global dan menggalakkan masyarakat menanam pokok bagi memelihara alam semula jadi, Shaklee melancarkan aktiviti menanam pokok sempena kempen 'Sejuta Pokok. Sejuta Impian', di Taman Botani, Kepong, dirasmikan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Dr Zool Azhar Yusuf. Kempen ini adalah kesinambungan usaha global Shaklee Corporation yang dilancarkan di Amerika Syarikat pada tahun 2006. Sejak dilancarkan, seramai 750,000

202 JELITA MEI 2009

orang ahli dan pendedar berganding bahu menjayakannya dengan membabitkan masyarakat setempat di kawasan masing-masing. Sehingga kini, lebih 900,000 anak pokok ditanam dan pokok yang ke sejuta dijangka ditanam pada Ogos ini. Sebagai permulaan kempen, mereka bekerjasama dengan FRIM untuk menanam semula pokok di Taman Botani Kepong yang dahulunya adalah sebuah kawasan perlombongan dan dibangunkan FRIM menjadi sebuah taman rekreasi awam. Selain itu, aktiviti ini memberi peluang kepada masyarakat untuk berkongsi idea menjadi usahawan berasaskan sumber semula jadi. 

